

▼10/12/16-40MST

CNS8557

R GB 10-12 00195 BA899

aab

Mahathir - Indonesia

M'SIA-INDONESIA MAHU TINGKAT KERJASAMA DLM INDUSTRI UDARA

LANGKAWI, 10 Dis (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia akan meningkatkan kerjasama dua hala dalam memajukan industri udara kedua-dua negara yang mungkin diperkembangkan untuk meliputi negara-negara Asean lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata buat permulaan Malaysia akan menumpukan kepada usaha memajukan industri pesawat kecil manakala Indonesia dalam sektor pesawat besar.

Kerjasama ini pada masa akan datang dapat dipertingkatkan lagi sejajar dengan perkembangan dalam industri berkenaan dan pada masa yang sama kerjasama dua hala serupa di kalangan negara-negara Asean lain juga boleh dimulakan.

Beliau berkata demikian kepada sekumpulan wartawan Indonesia yang mengiringi Menteri Negara bagi Penyelidikan, Sains dan Teknologi Indonesia, Prof. B.J. Habibie yang melawat Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (I.TMA) 93 hari ini. Habibie mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir di biliknya bersebelahan dengan pameran.

Habibie yang tiba terus dari Jakarta pagi ini berlepas pulang pada sebelah petangnya.

Ketika menjawab pertanyaan pemberita itu, Dr Mahathir melahirkan keyakinan industri pesawat terbang di rantau ini boleh berjaya kerana antara lain jumlah penduduknya yang ramai yang memerlukan peningkatan perkhidmatan udara. -- lagi.

▼10/12/16-52MST

R GB 10-12 00092 BA900

aab

Mahathir - Indonesia 2 (Akhir) Langkawi

Ditanya mengenai rancangan Malaysia membeli pesawat pengangkut CN235 buatan Indonesia, beliau berkata kerajaan masih mengkaji kemungkinan pembelian berkenaan.

Pesawat itu dicadangkan untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) tetapi butiran lanjut termasuk jumlahnya belum dipastikan, katanya.

Dr Mahathir berkata hubungan erat kedua-dua negara dalam bidang ini akan memberikan sumbangan positif kepada kemajuan industri itu pada masa akan datang.

+Kerjasama begini berkemungkinan besar dapat dikembangkan di peringkat Asean kelak,+ katanya lagi. -- Bernama.

SAG NMO

▼10/12/16-53MST